



Unit Komunikasi Korporat

### KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	23/1/2017	MUKA SURAT	: 13
JABATAN	:	NRE		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		



Warga kota menikmati kehijauan bandar raya yang mewujudkan persekitaran kondusif.



Kewujudan kawasan hijau memberi keselesaan kepada warga kota ketika bersantai pada hujung minggu..



Penghijauan bandar raya berupaya mengurangkan pencemaran karbon.

# Program bandar hijau mampu kurangkan pencemaran karbon

➔ KWP bincang dengan NRE ubah wajah Kuala Lumpur

Oleh Nurul 'Aniqah Sazale  
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**K**ementerian Wilayah Persekutuan (KWP) akan bekerjasama dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) bagi memperhebatkan program penghijauan Kuala Lumpur dalam usaha mengurangkan pencemaran karbon.

Menterinya, Tengku Adnan Tengku Mansor, berkata ia adalah sebahagian daripada pelaksanaan program bandar hijau yang juga bagi merawat pencemaran sekali gus mengubah wajah Kuala Lumpur sebagai persekitaran lebih selesa, selamat dan kondusif sebagai tempat bekerja, bermain dan tinggal.

"Kita akan melaksanakan pelbagai program dalam pelaksanaan bandar hijau, dan ia bukan semata-mata mengurangkan kenderaan masuk ke Kuala Lumpur bagi mengelakkan pengeluaran karbon yang tinggi di sekitar ibu kota," katanya di sini, semalam, ketika diminta mengulas usaha KWP me-

ngurangkan pencemaran di bandar raya.

Ia susulan cadangannya sebelum ini yang melarang kenderaan berkuasa rendah seperti kapcai antara usaha untuk mengurangkan kadar pelepasan karbon yang mana katanya pelaksanaan perkara itu akan dipertimbangkan jika pengangkutan awam dapat menyediakan tambang yang berpatutan kepada penumpang.

#### Dengar pandangan rakyat

Diminta mengulas kenyataan Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaffar, bahawa lori yang sepatutnya dihalang memasuki Kuala Lumpur bukan kapcai, Tengku Adnan enggan mengulas lanjut dan berkata ia adalah pandangan peribadi Wan Junaidi.

"Cadangan melarang kapcai masuk ke Kuala Lumpur hanya bagi mendapatkan reaksi orang ramai berkenaan perkara itu dan bukannya untuk dilaksanakan terus.

"Kita akan dengar apa juga pandangan orang ramai dan sedar motosikal adalah kenderaan yang efisien di Kuala Lumpur bagi mengelakkan tersangkut dalam ke-



Pelaksanaan bandar hijau bukan semata-mata mengurangkan kenderaan masuk ke Kuala Lumpur bagi mengelakkan pengeluaran karbon yang tinggi di sekitar ibu kota"

**Tengku Adnan Tengku Mansor,**  
Menteri Wilayah Persekutuan

sesakan jalan raya," katanya.

Mengulas lanjut mengenai program penghijauan Kuala Lumpur, Tengku Adnan berkata, kementeriannya akan mengadakan perbincangan dengan lebih mendalam dengan NRE, apakah langkah yang perlu diambil untuk menyelesaikan masalah pencemaran di ibu kota.

"Ini selaras matlamat Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, yang mahukan Kuala Lumpur bukan sahaja dihiasi dengan bangunan pencakar langit tetapi bebas daripada pencemaran," katanya.

Katanya, dalam usaha itu penggunaan lampu jalan juga akan disesuaikan supaya ia lebih mesra alam.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) juga katanya, sudah mengadakan program 'Volunteer for KL' khusus untuk warga kota.

Program itu katanya, mengajak orang ramai untuk bersama DBKL bergotong-royong membersihkan kawasan perumahan masing-masing.

Antara yang sudah dilaksanakan adalah mengecat beberapa bangunan di sekitar Chow Kit dan Jalan Tun Perak bagi menyerlahkan keindahan ibu negara.